

10 MAR 1999

LITAR F1 SATU LANGKAH KE HADAPAN MENUJU WAWASAN 2020

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Rekabentuk Litar Formula One di Sepang, yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi, adalah satu langkah yang betul ke arah Wawasan 2020.

Parti Gerakan, yang mengucapkan tahniah kepada mereka yang terbabit dalam kejayaan membina litar berharga RM286 juta itu berkata, mereka sepatutnya meneruskan kejayaan ini dengan semangat "Malaysia Boleh" demi negara dan juga diri mereka sendiri.

"Parti Gerakan menyokong penuh pandangan Dr Mahathir bahawa pembangunan kepada kemudahan sukan bertaraf dunia boleh membantu negara dalam banyak cara dan juga untuk tahun-tahun yang akan datang," kata timbalan setiausaha agung parti itu, Dr Tan Kee Kwong dalam satu kenyataan hari ini.

Bagaimanapun, kata beliau, partinya percaya dengan terdirinya litar itu sahaja tidak akan memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus menjadi penganjur kepada perlumbaan kereta Formula One di dunia.

"Yang penting pihak-pihak terbabit hendaklah terus berusaha dengan lebih gigih dan bijak dalam mengajurkan pertandingan bertaraf dunia, serta aspek-aspek lain seperti pemasaran, kerja-kerja sokongan, pengurusan dan kegiatan-kegiatan yang boleh memberi keuntungan, bagi memastikan litar Sepang ini menjadi gelanggang perlumbaan terbaik di dunia dan mengharumkan nama perlumbaan F1 itu," tambah beliau.

-- BERNAMA

MNY ZB